



**E-BUKU PANDUAN MAJLIS
KONVOKESYEN
POLITEKNIK METRO TASEK
GELUGOR KALI KE -6**

1. PENYERTAAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-6 PMTG

1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Diploma hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:-

- i. Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen. (Rujuk perkara 2).
- ii. Memberi maklum balas "**BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN DAN SLIP PEMBAYARAN**" sebelum atau pada **31 Julai 2024 (RABU)** melalui web e-konvo PMTG (<https://www.pmtg.edu.my/info-konvokesyen/>).

PERINGATAN:

Perkara di atas adalah wajib bagi semua graduan yang hadir atau tidak hadir ke Majlis Konvokesyen. Kegagalan anda berbuat demikian boleh mengakibatkan anda dihalang menghadiri majlis konvokesyen atau pengeluaran transkrip akan ditahan.

Sebarang pertanyaan mengenai soal selidik kajian pengesanan graduan, sila hubungi En. Mohamad Azuan bin Mohamed Arshad di talian **04-5732789** atau **018-3672959**.

1.2 Graduan yang hadir **DIWAJIBKAN** mengikuti sesi berikut :-

- 1.2.1 Pra pendaftaran dan Taklimat Konvokesyen.
- 1.2.2 Pendaftaran Graduan dan raptai.
- 1.2.3 Majlis Konvokesyen.

2. BAYARAN KONVOKESYEN KE-6 PMTG

2.1 Jumlah bayaran ialah **RM 290.00** bagi yang **hadir**, manakala **RM 240.00** bagi yang **tidak hadir**.

2.2 Pembayaran boleh dibuat melalui cawangan **BANK ISLAM (Sila Gunakan Slip Pembayaran)** atas nama **KOPERASI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR** dan nombor akaun "**07052010012230**".

PERINGATAN :

Pembayaran melalui *Cash Deposit Machine (CDM)* atau ATM adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Sekiranya membuat pembayaran menerusi perbankan Internet , sila cetak sebagai bukti bayaran.

2.3 Slip pembayaran Bank Islam

- 2.3.1 Salinan pertama : Simpanan Bank Islam
- 2.3.2 Salinan ke-2 : Ambil gambar dan muat naik dalam laman web e-konvo Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) (<https://www.pmtg.edu.my/info-konvokesyen/>)
- 2.3.3 Salinan ke-2, 3 &4 : Simpanan graduan. (Bawa pada masa pra pendaftaran bagi tujuan pendaftaran dan peminjaman jubah

2.4 Slip pembayaran menerusi perbankan internet, sila *screenshot* dan muat naik dalam laman sesawang e-konvo PMTG dan **cetak DUA (2) salinan resit transaksi** tersebut untuk urusan pendaftaran dan pengambilan jubah.

2.5 **Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman**, dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen tetapi Diploma akan ditahan oleh **Unit Peperiksaan PMTG** sehingga bayaran dijelaskan.

3. PRA PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT KONVOKESYEN

3.1 Pra pendaftaran graduan akan dibuat pada ketetapan di bawah

SIDANG 1		
TARIKH	MASA	TEMPAT
11.08.2024 (Ahad)	10.00 pg- 1.00 tgh	Makmal Sains@JMSK, Politeknik Seberang Perai

SIDANG 6		
TARIKH	MASA	TEMPAT
16.08.2024 (Jumaat)	8:30 – 11.15 pg	Makmal 3, PMTG

3.2 Taklimat konvokesyen akan dibuat pada ketetapan di bawah

SIDANG 1		
TARIKH	MASA	TEMPAT
11.08.2024 (Ahad)	8.00 - 11.00 pg	Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai

SIDANG 6		
TARIKH	MASA	TEMPAT
16.08.2024 (Jumaat)	2.30 - 5.00 ptg	Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai

Sebarang perubahan masa dan tempat akan dimaklumkan kelak

3.3 Rujuk aturcara majlis di Portal Rasmi PMTG.

4. URUSAN PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN JUBAH

4.1 Peminjaman Jubah

- 4.1.1 Salinan slip bayaran Bank Islam perlu ditunjukkan kepada Urusetia Pengurusan Jubah semasa pinjaman dibuat.
- 4.1.2 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

SIDANG 1		
TARIKH	MASA	TEMPAT
11 Ogos 2024 (Ahad)	11.00 pg -1.00 tgh	Bilik Keusahawanan, Politeknik Seberang Perai

SIDANG 6		
TARIKH	MASA	TEMPAT
16 Ogos 2024 (Jumaat)	9.15 – 11.30 pg	Perpustakaan, Politeknik METRo Tasek Gelugor

Sebarang perubahan masa dan tempat akan dimaklumkan kelak

4.2 Pemulangan Jubah

- 4.2.1 Jubah hendaklah dipulangkan sebaik sahaja Majlis Konvokesyen tamat.
- 4.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Diploma/Sijil ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- 4.2.3 Jubah yang **hilang atau rosak** akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak **RM200.00** setiap satu.
- 4.2.4 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

SIDANG 1		
TARIKH	MASA	TEMPAT
12.08.2024 (Isnin)	3.00 -5.00 ptg	Dewan Kuliah Utama, Politeknik Seberang Perai

SIDANG 6		
TARIKH	MASA	TEMPAT
17.08.2024 (Sabtu)	3.00 -5.00 ptg	Dewan Kuliah Utama, Politeknik Seberang Perai

5. PENDAFTARAN GRADUAN PADA HARI KONVOKESYEN

5.1 Semua graduan dikehendaki mendaftar pada ketetapan berikut:

SIDANG 1		
TARIKH	MASA	TEMPAT
12.08.2024 (Isnin)	7.30 pg	Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai

SIDANG 6		
TARIKH	MASA	TEMPAT
17.08.2024 (Sabtu)	7.30 pg	Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai

5.2 Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.

5.3 **Jadual Pendaftaran, Taklimat Konvokesyen dan Majlis Konvokesyen boleh dirujuk di laman web e-konvo PMTG (<https://www.pmtg.edu.my/info-konvokesyen/>).**

6. MAJLIS KONVOKESYEN

- 6.1 Graduan dikehendaki menghadirkan diri lebih awal atau pada waktu yang telah ditetapkan pada Majlis Konvokesyen.
- 6.2 Semasa majlis berlangsung, graduan dan waris dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- 6.3 Graduan dan waris dilarang meninggalkan dewan sebelum selesai Majlis Konvokesyen.
- 6.4 Tempat duduk tetamu (waris graduan) adalah terhad, sila tunjukkan **“PAS MASUK KE MAJLIS KONVOKESYEN”**. Hanya dibenarkan untuk dua orang waris sahaja bagi setiap graduan.

6.5 Waris graduan yang masuk ke dalam dewan hendaklah memakai **pakaian formal yang bersesuaian** dengan majlis rasmi seperti kemeja, batik atau baju Melayu bagi lelaki atau baju kurung, 'skirt' labuh serta kemeja berlengan bagi wanita dan kasut bertutup. Pemakaian baju 'T' dan seluar 'jeans' adalah tidak dibenarkan.

7. SAHSIAH DAN RUPA DIRI GRADUAN

7.1 Sahsiah Dan Rupa Diri Semasa Pra Pendaftaran Dan Acara Raptai

- 7.1.1 Semua graduan mesti berpakaian **kemas , formal dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian.**
- 7.1.2 Graduan **DILARANG TEGAS** memakai seluar jenis "*jeans*", **selipar, capal** dan "*T-shirt*" **tanpa** kolar semasa mendaftar.
- 7.1.3 Graduan lelaki hendaklah **berambut pendek** dan graduan wanita Islam hendaklah menutup aurat (**memakai tudung tidak bercorak**) atau bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan **tidak diwarnakan.**

7.2 Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen

7.2.1 Graduan Lelaki.

- i. Graduan beragama Islam **digalakkan** berpakaian kebangsaan lengkap (songkok, baju, seluar, berbutang, bersampin) atau,
- ii. Baju kemeja lengan panjang berwarna putih dengan tali leher, berseluar '*slack*' berwarna *hitam*. **Pemakaian blazer berwarna hitam / gelap adalah diwajibkan.**
- iii. Graduan **tidak** dibenarkan memakai **tali bow (bow tie).**
- iv. Kasut bertutup berwarna hitam / gelap dan berstokin hitam.

7.2.2 Graduan Wanita.

- i. Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung atau Kebaya Labuh warna bebas (**kain berbelah adalah dilarang**). Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah memakai tudung berwarna putih / krim dan **tidak bercorak**. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.
- ii. Bagi graduan bukan beragama Islam dibenarkan berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlengan dan sekiranya memakai **skirt** hendaklah labuh **di bawah paras lutut.**

7.2.3 Kasut

- i. Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (**bahagian depan kaki bertutup**). **Sandal, capal atau kasut jenis sukan** tidak dibenarkan sama sekali.
- ii. Penggunaan kasut hendaklah berwarna hitam atau gelap.
- iii. Graduan wanita hendaklah memakai **kasut bertutup** yang bersesuaian (ketinggian kurang daripada 3 inci).

8. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN TRANSKRIP

8.1 Graduan boleh mengambil Diploma masing-masing sebaik sahaja setelah Majlis Konvokesyen berakhir dan mengesahkan pemulangan jubah.

8.2 **Diploma yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PMTG. Sebarang tuntutan Diploma selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di UNIT PEPERIKSAAN PMTG. Sila hubungi 04-5732789.**

PERINGATAN: TRANSKRIP HANYA BOLEH DIAMBIL SEKIRANYA PROSES PEMULANGAN JUBAH SELESAI

9. TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 9.1 Pihak pengurusan Politeknik METrO Tasek Gelugor tidak akan bertanggungjawab terhadap keselamatan kenderaan tetamu.
- 9.2 Graduan dan waris hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang telah disediakan atau diarahkan oleh pihak pengurusan Politeknik METrO Tasek Gelugor.
- 9.3 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalu lintas.

10. PAS MASUK MAJLIS KONVOKESYEN

- 10.1 Disebabkan tempat yang terhad, hanya satu (1) keping pas masuk ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk bagi DUA (2) orang waris graduan. **Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.**
- 10.2 Waris graduan diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing **jam 8.00 pagi** pada hari majlis konvokesyen.
- 10.3 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PMTG memohon maaf sekiranya terdapat ahli keluarga graduan yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- 10.4 Waris graduan perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan majlis rasmi.
- 10.5 Mohon kerjasama waris graduan agar **tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.**

11. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 11.1 Pihak luar diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 11.2 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung, graduan dan tetamu **dilarang** mengambil gambar di dalam atau di luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

12. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 12.1 Pihak PMTG tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 12.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya tidak membawa masuk ke dalam dewan seperti makanan, minuman atau barang persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen.
- 12.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, "tablet" dan lain-lain.


13. KUASA POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR

- 13.1 **Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.**
- 13.2 **Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah muktamad.**
- 13.3 Justeru itu pihak PMTG, mohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

14. PENGINAPAN

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak PMTG tidak menyediakan sebarang penginapan.

15. LOKASI KONVOKESYEN

Dewan Seri Mutiara
 Politeknik Seberang Perai
 13500 Permatang Pauh,
 Pulau Pinang.
 5.37805, 100.42626

16. HAL-HAL LAIN

16.1 Sila hubungi jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan urusan berikut:-

- a. Jawatankuasa Jemputan Graduan
Pn. Siti Fartimah binti Mohamed Yusop/ Pn. Sa'amah binti Hassan
04-5732789
- b. Jawatankuasa Pengesanan Graduan
En. Mohamad Azuan bin Mohamed Arshad
04-5732789

16.2 Sebarang urusan surat menyurat, sila hantarkan kepada alamat berikut :

Pengarah,
POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR,
No. 25, Jalan Komersial 2,
Pusat Komersial Tasek Gelugor,
13300, Tasek Gelugor
Pulau Pinang.
(u.p : Jawatankuasa Jemputan Graduan)
Faks : 04-573 2087

16.3 Graduan hendaklah hadir mengikut Sidang yang telah ditetapkan

16.4 Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik METrO Tasek Gelugor di www.pmtg.edu.my untuk mendapatkan maklumat tentang sebarang perubahan atau makluman terkini.

“ TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA ”